

# Mahathir gembira dengan jaminan UMNO Kelantan

UM 28 MAY 1984

**K**UALA LUMPUR 27 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad gembira dengan jaminan UMNO Kelantan bahawa negeri itu akan dipertahankan daripada ditawan oleh Parti PAS.

Katanya, pada satu ketika dulu beliau pernah merasa ragu-ragu tentang itu kerana adanya ahli-ahli UMNO yang turut mengambil bahagian dalam demonstrasi PAS 'menentang kerajaan' berhubung dengan isu pindaan perlembagaan.

Ketika menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Hilton petang ini, Presiden UMNO itu bagaimanapun berkata beliau kecil hati kerana jcrjan "bunuh Menteri

Besar dan Perdana Menteri" yang datang dari mereka yang berdemonstrasi itu tidak dijawab oleh sesiapa pun.

Dengan jaminan itu, beliau yakin bahawa UMNO negeri Kelantan sekarang sudah teguh dan kuat, dan kejadian seperti demonstrasi menentang kerajaan tidak akan berlaku lagi.

"Apabila kita dicabar, kita bangun dan berdiri teguh untuk menentang cabaran - cabaran itu habis - habisan," tegasnya disambut dengan tepukan gemuruh dari perwakilan - perwakilan.

Encik Anwar Musa dari bahagian Nilam Puri, yang berucap membahaskan ucapan dasar presiden semalam telah memberi jaminan bahawa UMNO Kelantan akan terus mempertahankan Kelantan daripada ditawan oleh PAS.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sekiranya jika tidak puas hati ada tempatnya untuk menyuarakan pendapat dan perasaan seperti dalam perhimpunan ini.

UMNO, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir adalah parti kita dan inilah satu - satunya parti yang boleh memperjuangkan nasib dan taraf kehidupan orang Melayu.

Beliau juga berkata, ahli - ahli UMNO seharusnya memberikan sokongan sepenuhnya kepada parti dan bukan kepada individu kerana tidak mahu UMNO tidak lagi mendokong dasar-dasar perjuangannya sebaliknya membentuk dasar - dasar baru yang bercanggah.

Presiden parti memuji negara ini dan ke arah itu, para perwakilan yang telah UMNO perlu merapatkan membuat pemilihan ahli - barisannya dan tidak mamhli Majlis Tertinggi dengan pu terpesong dan berpecah - belah.

bijak bukan sahaja membuat pemilihan mengikut negeri tetapi memilih orang - orang yang boleh memimpin.

Beliau gembira dengan mesyuarat tahun ini yang berjalan dengan tenang dan sikap ahli yang tertib ketika membuat pemilihan tanpa sebarang insiden.

## Buktikan

"Walaupun terdapat khabar - khabar angin bahawa banyak perkara yang akan berlaku, tetapi UMNO telah dapat membuktikan pada dunia bahawa ia adalah terdiri daripada parti orang - orang Melayu yang sememangnya bertanggungjawab," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, beliau mahukan UMNO terus kekal sebagai parti pemerintah di